

### BAHAGIAN III

## **PELANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATANKUASA FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN NASIONAL**

44. PELANTIKAN MUFTI DAN TIMBALAN MUFTI
45. FUNGSI MUFTI
46. JAWATANKUASA FATWA
47. KUASA JAWATANKUASA FATWA UNTUK MENYEDIAKAN FATWA
48. TATACARA PEMBUATAN FATWA
49. FATWA YANG DISIARKAN DALAM WARTA ADALAH MENGIKAT
50. PINDAAN, UBAHSUAIAN ATAU PEMBATALAN FATWA
51. FATWA YANG ADA HUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN NASIONAL
52. MENERIMA PAKAI NASIHAT DAN SYOR JAWATANKUASA KEBANGSAAN
53. MEMINTA PENDAPAT DARIPADA JAWATANKUASA FATWA
54. SUMBER YANG HENDAKLAH DIKUTI

#### **44. Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti**

(1) Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, selepas berunding dengan Majlis, boleh melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Perlis.

(2) Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti hendaklah disiarkan dalam Warta.

(3) Apabila seksyen ini mula berkuatkuasa orang yang menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Perlis sebelum sahaja seksyen ini mula berkuatkuasa hendaklah disifatkan telah dilantik dibawah seksyen ini sebagai Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Perlis dan hendaklah terus memegang jawatan itu.

#### **45. Fungsi Mufti**

Mufti hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Perlis selepas Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.

#### **46. Jawatankuasa Fatwa**

- (1) Maka hendaklah ada satu Jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa.
- (2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada-
  - (a) Mufti, sebagai Pengerusi,
  - (b) Timbalan Mufti,
  - (c) Enam orang lain yang beragama Islam Ahli Sunnah Waljamaah termasuk tidak lebih daripada tiga orang anggota Majlis yang dilantik oleh Majlis; dan
  - (d) seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis, sebagai setiausaha.
- (3) mana-mana orang yang sebelum sahaja seksyen ini mula berkuatkuasa, menjadi anggota Jawatankuasa Syariah yang ditubuhkan di bawah Enakmen terdahulu hendaklah tertakluk kepada subseksyen (4), disifatkan telah dinamakan atau dilantik menjadi anggota Jawatankuasa dan hendaklah menjadi anggota Jawatankuasa Fatwa sehingga tempoh pelantikannya di bawah Enakmen yang terdahulu itu tamat.
- (4) Subseksyen (3) tidak terpakai bagi mana-mana orang, kecuali Mufti dan Timbalan Mufti, yang menjadi anggota jawatankuasa Syariah yang disebut dalam subseksyen (3) atas nama jawatan.
- (5) Jawatankuasa fatwa boleh, tertakluk kepada Enakmen ini, memutuskan segala persoalan berhubungan dengan tatacara dan amalannya.

#### **47. Kuasa Jawatankuasa Fatwa untuk Menyediakan Fatwa**

Tertakluk kepada seksyen 51, Jawatankuasa Fatwa hendaklah, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi berhubungan dengan Hukum Syarak.

#### **48. Tatacara pembuatan fatwa**

- (1) Sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan.
- (2) Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat fatwa Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.
- (3) Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti hendaklah, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa fatwa, mengemukakan fatwa yang disediakan itu kepada Majlis.

(4) Majlis boleh, selepas menimbang teliti fatwa itu, membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah untuk mendapatkan perkenannya bagi pewartaan fatwa itu.

(5) Syor yang dibuat dibawah subseksyen (4) hendaklah disertakan dengan memorandum penjelasan dan ulasa daripada Majlis jika Majlis berpendapat penjelasan dan ulasan itu perlu.

(6) Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, Majlis hendaklah memaklumkan Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam warta.

(7) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam Warta hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat dibawah seksyen ini.

(8) Sesuatu Fatwa hendaklah disiarkan dalam bahasa kebangsaan dalam tulisan rumi, tetapi teks fatwa itu dalam tulisan jawi boleh juga disiarkan.

(9) Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa tidak boleh diambil sebagai Fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam Warta menurut subseksyen (6).

#### **49. Fatwa Yang Disiarkan Dalam Warta Adalah Mengikat.**

(1) Apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negara Perlis sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan.

(2) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah Syariah dan Mahkamah Rayuan syariah di dalam Negeri Perlis tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya.

#### **50. Pindaan, Ubahsuaian Atau Pembatalan Fatwa**

(1) Jawatankuasa Fatwa boleh meminda, mengubahsuaikan atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah disiarkan dalam warta di bawah Enakmen ini, atau di bawah Enakmen terdahulu.

(2) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa hendaklah disifatkan sebagai suatu fatwa dan peruntukan-peruntukan seksyen 48 (7), hendaklah terpakai baginya.

(3) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa yang disiarkan dalam warta hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah subseksyen (1)

#### **51. Fatwa yang Ada Hubungan Dengan Kepentingan Nasional.**

(1) Walau apa pun kuasa Jawatankuasa fatwa di bawah seksyen 47, apabila Jawatankuasa fatwa mendapati bahawa suatu fatwa yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional, Jawatankuasa Fatwa hendaklah menengguhkan perbincangannya tentang fatwa yang dicadangkan itu dan mengemukakan perkara itu kepada Majlis.

(2) Selepas menimbang teliti perkara itu, Majlis boleh membuat syor kepada Duli yang Maha Mulia Raja Pemerintah untuk mendapat perkenannya agar fatwa yang dicadangkan itu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan melalui Majlis Raja-Raja.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu fatwa adalah dianggap berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional jika persoalan itu ada hubungan dengan apa-apa perkara, dasar, program atau aktiviti yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana Kemenerian, jabatan atau agensi-agensinya.

(4) Jika Duli yang Maha Mulia Raja Pemerintah memberikan perkenannya di bawah subseksyen (2), Majlis hendaklah, sebelum fatwa itu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, memaklumkan Kerajaan Negeri tentang perujukan itu.

(5) Apabila sesuatu fatwa yang dicadangkan telah dirujuk kepada Jawatankuasa kebangsaan, Jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan nasihat dan syornya kepada Majlis Raja-Raja mengikut subseksyen (2) tentang perkara itu.

(6) Jika Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menasihatkan atau mengesyorkan supaya fatwa yang dicadangkan itu dibuat, dengan atau tanpa ubahsuaian yang disyorkan olehnya, atau menasihatkan atau mengesyorkan suatu fatwa lain tentang perkara yang sama dan Majlis Raja-Raja telah bersetuju dengan nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu, maka Majlis hendaklah menimbang nasihat dan syor itu dan selepas itu bolehlah menyebabkan supaya fatwa mengikut nasihat dan syor itu disiarkan dalam Warta tanpa apa-apa pindaan atau ubahsuaian dan peruntukan-peruntukan seksyen 48, kecuali subseksyen 48(7), hendaklah terpakai baginya.

(7) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam Warta hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

## **52. Menerima Pakai Nasihat dan Syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan**

(1) Jawatankuasa Fatwa hendaklah menerima pakai apa-apa nasihat dan Syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang menyentuh perbuatan atau amalan yang dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja merupakan perbuatan atau amalan yang meliputi seluruh Persekutuan menurut Perkara 38 (2) (b) Perlembagaan Persekutuan.

(2) Nasihat atau Syor yang diterima pakai menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai fatwa dan seksyen 48, kecuali subseksyen 48(7), hendaklah terpakai baginya.

(3) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam Warta hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

## **53. meminta pendapat daripada Jawatankuasa Fatwa**

Jika dalam mana-mana Mahkamah selain Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan Hukum syarak perlu diputuskan, mahkamah itu boleh meminta pendapat Jawatankuasa Fatwa tentang

persoalan itu, dan Mufti boleh memperakukan pendapat Jawatankuasa Fatwa itu kepada mahkamah yang membuat permintaan itu.

**54. Sumber yang hendaklah diikuti.**

(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah Seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut Al-Quran dan/atau Sunnah Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasalam.

(2) Pada mengeluarkan sesuatu fatwa di bawah Bahagian ini Majlis dan Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengambil ingatan terhadap Adat Istiadat Melayu atau Undang-Undang Adat Istiadat Melayu yang terpakai dalam Negeri Perlis.